

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 7/2003**

---

---

Tarikh : 12 Disember 2003  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

*Yang Hadir*

Putri Saniah Megat Abd. Rahman ( <i>Pengerusi</i> )	(kpustaka@pkriscc.ukm.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Hawa Abdul Majid ( <i>wakil</i> ) : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Norain Ahmad Kamil ( <i>Wakil</i> ) : NPC	(roslin@npc.org.my)
Noraini Noran Abdullah : MINT	
Ruslan Che Pee ( <i>wakil</i> ) : KUKTEM	(aini@kuktem.edu.my)
Shafikullah Hj. Shafiee ( <i>wakil</i> ) : PNM	(bru@pnm.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Wan Kartini Wan Sulaiman ( <i>wakil</i> ) : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Hafsah Mohd : UKM ( <i>Setiausaha</i> )	(hafsahm@pkriscc.ukm.my)

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Kalsom Sharif : UIAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Masnah Abdul Karim : UiTM	(masnah619@salam.itm.edu.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Noraziah Sharuddin : UTM	(azie@mel.psz.utm.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)
Sharifah Hanom Bidin: OUM	(sharipah@unitem.edu.my)
Tusiman Mingun : UKM	(tus@pkriscc.ukm.my)

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam dan Selamat Hari Raya kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
  - Konsortium PDK (IEL dan lain-lain PDK)
  - Statistik Penggunaan PDK
  - Hal-hal berbangkit

## **2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2003**

Minit Mesyuarat Bil. 6/2003 disahkan tanpa sebarang pindaan

## **3.0 TAKLIMAT PENGERUSI**

Pengerusi akan berbincang dengan Dato' Zaiton hal-hal berkaitan dengan PDK langganan Kementerian Pendidikan pada 19 Disember 2003.

## **4.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

- 4.1 Pembaharuan - akan diuruskan oleh UKM pada masa akan datang. Jumlah sebutharga bagi semua PDK langganan Kementerian Pendidikan (KP) untuk tahun 2004 ialah RM2.03 juta.
- 4.2 Pengerusi akan membuat temujanji dengan Prof. Hassan untuk membincangkan hal-hal berkaitan PDK langganan KP.
- 4.3 Institusi yang akan menyertai konsortium PDK langganan KP bagi tahun 2004 akan dibincangkan pada mesyuarat yang akan datang.
- 4.4 Perbincangan semula dengan pembekal perlu diadakan dan pembekal akan dimaklumkan bahawa peruntukan untuk pembaharuan tidak akan diperolehi dalam masa yang terdekat.

## **5.0 KONSORTIUM IEL**

Mesyuarat bersetuju untuk membincangkan perkara-perkara berikut semasa perjumpaan dengan wakil IEL pada awal bulan Januari:

- 5.1 Kenaikan kos tahunan yang minimum.
- 5.2 Pecahan invois mengikut jurnal/konferen/piawaiian memandangkan kos langganan IEL melebihi RM200,000 dan memerlukan proses tender.
- 5.3 Perbincangan semula kos konsortia berdasarkan surat dari pihak United Technology bertarikh 11 Disember 2001.

## 6.0 SENARAI INDUK JURNAL

- 6.1 Wakil UM telah menunjukkan sistem senarai induk jurnal yang digunakan di Perpustakaan UM.
- 6.2 Wakil Ebsco Publishing akan menunjukkan sistem senarai induk jurnal pada masa akan datang.

## 7.0 STATISTIK PENGGUNAAN PDK

- 7.1 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel untuk membincangkan secara terperinci hal-hal berkaitan pengiraan statistik penggunaan PDK. Di antara perkara-perkara yang akan dibentangkan termasuk:
  - a. Modul UNITEN
  - b. Modul UM
  - c. Modul MMU
  - d. E-Metrics
  - e. *Counter Standard*
- 7.2 Pensyarah dari UiTM akan dipanggil untuk menyertai bengkel tersebut. Wakil UM akan menghubungi Dr. Zainab Awang Ngah.
- 7.3 Statistik penggunaan PDK langganan KP telah dimajukan oleh wakil UM kepada Dato' Dr. Zaiton. Beliau akan memberikan satu salinan kepada sekretariat JK PDK.

**Tindakan: Wakil UM**

## 8.0 Hal-HAL LAIN

### 8.1 Garis Panduan Bagi Perolehan Jurnal Elektronik/PDK

Garis panduan telah diedarkan kepada semua ahli yang hadir. Sebarang pembetulan/tambahan/cadangan hendaklah dimaklumkan kepada pihak sekretariat JK PDK.

**Tindakan: semua ahli JK PDK**

### 8.2 E-Books (Netlibrary)

- a. Wakil UUM menerangkan bahawa statistik penggunaan Netlibrary belum dapat dipantau lagi memandangkan perkhidmatan baru sahaja bermula.
- b. Wakil UM menerangkan statistik penggunaan E-brary dan 24x7 tidak begitu menggalakkan.

### 8.3 Perolehan PDK > RM200,000

- a. Wakil UPSI memaklumkan kepada mesyuarat bahawa 4 buah syarikat telah masuk tender untuk langganan Ebscohost dan Proquest. Bookline Service telah mendapat tender tersebut.
- b. Semua pembekal PDK perlu mendaftar dengan Kementerian Kewangan. Wakil UPSI akan membawa surat dari Kementerian Kewangan mengenai hal tersebut di mesyuarat yang akan datang.
- c. Pembekal perlu memberikan sebutharga konsortia sekiranya PDK boleh dilanggan secara konsortia.
- d. Wakil UPM menerangkan bahawa pembayaran ScienceDirect telah dijelaskan melalui pecahan 8 invois mengikut *subject collection*. Setiap invois bernilai tidak lebih dari RM50,000.

### 8.4 Soalselidik

Mesyuarat bersetuju untuk menyediakan soalselidik untuk dimajukan kepada pembekal sebelum langganan sesebuah PDK.

### 8.5 Sesi Pengenalan Wakil Ebscohost dan Penerangan Wakil ScienceDirect

Sesi tersebut telah diadakan mulai jam 11.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Encik Don Low (wakil Ebscohost) telah memperkenalkan diri. Beliau menggantikan Encik William Chew.

Wakil ScienceDirect Encik Perdeep Kumar dan Encik Pascal telah menerangkan konsortium ScienceDirect bagi tahun 2004.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.